

Title : KEDATANGAN ISLAM KE TANAH MELAYU
Author(s) : Muhammad Raihan Bin Sapri
Institution : National University of Malaysia
Category : Opinion, Competition
Topic : History

KEDATANGAN ISLAM KE TANAH MELAYU

Oleh: Muhammad Raihan Bin Sapri

Alam Melayu adalah tanah air asal bagi suku-suku rumpun Melayu. Walaubagaimanapun ramai menganggap bahawa Alam Melayu itu adalah meliputi semenanjung Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia. Namun fakta yang menarik adalah, Alam Melayu sebenarnya meliputi keluasan 60 peratus lilitan bumi yang mana ia membabitkan Kawasan bermula dari Rapa Nui(Pulau Easter) di sebelah timur hingga ke Madagaskar di sebelah barat. Oleh itu, berdasarkan penemuan DNA dan data-data terkini, dapat dibuktikan bahawa rumpun Melayu merupakan penduduk asal bagi kepulauan Alam Melayu sejak puluhan ribu tahun dahulu. Malah penemuan ini juga dapat menyangkahkan teori bahawa bangsa Melayu itu berasal dari Yunnan atau mana-mana tempat lain di dunia, sebaliknya mereka memang sudah wujud sejak dahulu lagi. Fakta kenyataan bahawa rumpun Melayu adalah penduduk asal bagi kepulauan Alam Melayu dapat dibuktikan lagi dengan pemilikan DNA, rupa paras, Bahasa dan budaya yang hampir sama. Oleh hal yang demikian, ras rumpun Melayu dibahagikan kepada enam kumpulan gugusan iaitu Alam Melayu Induk, Kumpulan Maluku, Kumpulan Sulawesi, Kumpulan Kepulauan Nusa Tenggara, Kumpulan Papua dan juga Kepulauan Madagaskar.

Agama Hindu dikatakan mula datang ke Alam Melayu pada awal abad pertama Masihi iaitu sekitar tahun 78 Masihi. Ia dikatakan datang berpunca daripada golongan agamawan seperti sami dan brahma, bangsawan-bangsawan, pelayar-pelayar, dan pedagang-pedagang dari India. Faktor utama berlakunya fenomena ini adalah kerana emas. Ramai orang-orang dari India datang ke Alam Melayu kerana emas. Tidak dapat disangkal lagi Alam Melayu merupakan sebuah negeri yang kaya dengan emas sehingga digelar '*Suvarnabhumi*' yang bermaksud 'bumi emas'. Malah, kenyataan dan fenomena ini juga dapat dibuktikan dengan takrifan bangsa Melayu yang diberikan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani iaitu "Melayu adalah kelompok atau segolongan besar manusia. Negeri-negeri mereka adalah sesubur-subur negeri dunia. Negeri (Alam) Alam Melayu itu terletak di antara negeri India dan China...". Oleh itu terbukti dengan kenyataan yang diberikan bahawa kedudukan dan kekayaan negeri Alam Melayu itu sendiri telah menyebabkan ramai bangsa India yang hebat datang ke sana.

Ada yang berpendapat bahawa Agama Budha merupakan agama yang tiba lebih awal berbanding agama Hindu. Ia dikatakan tiba di Alam Melayu sekitar abad ketiga hingga abad pertama sebelum Masihi. Fakta ini boleh diterima pakai kerana dikatakan pada zaman pemerintahan Asoka dari Dinasti Maurya (330-180 sebelum masihi), ramai mubaligh Budha telah dihantar ke kepulauan Melayu untuk menyebarkan agama Budha. Malah penyebaran agama Budha juga dikatakan berterusan sehingga zaman pemerintahan Maharaja Kanisya iaitu pada awal abad pertama masihi. Maka sejak itulah, Agama Hindu-Budha seolah-olah sebagai agama rasmi di Alam Melayu. Dengan pegangan agama yang kuat oleh pemerintah dan masyarakat Melayu pada ketika itu, maka wujudlah ratusan candi-candi yang di bina di pelbagai pelusuk di Alam Melayu. Malah ada juga candi yang kekal sehingga ke hari ini seperti candi Budha Borobudur di Magelang, Jawa Tengah dan Candi Hindu Prambanan di Yogyakarta. Oleh sebab itulah, Alam Melayu dikatakan juga menjadi pusat pengajian Budha yang ulung di mana ribuan sami berkumpul disini.

Terdapat seorang sami Budha yang masyhur pada abad ke-7 berasal dari China telah sampai ke Sumatera dalam perjalanannya ke India. Menurut beliau, pegangan agama sami Budha disitu sangat kuat sehinggakan beliau dapat menemui ribuan orang sami Budha yang sangat kuat akidahnya terhadap agama. Nama sami tersebut ialah Yi Jing (I-Ching) yang telah singgah ke Sumatera pada tahun 671 Masihi. Dalam pada itu, Alam Melayu yang dikatakan sebagai pusat pengajian Budha juga mempunyai ramai pendita-pendita yang dijadikan rujukan dan guru oleh sami-sami besar Wilayah lain. Sebagai contoh, ketua pendita Budha Sumatera yang bernama Dharmakirti telah menjadi rujukan oleh sami-sami besar seluruh dunia. Malah anak muridnya juga ada mahsyur sehingga menjadi pembaharu agama Budha di Tibet iaitu Atisha

Kegemilangan agama Hindu-Budha di Alam Melayu telah menyebabkan wujudkan kerajaan-kerajaan yang gemilang. Dengan berteraskan ajaran Hindu-Buddha, mereka berjaya membina sebuah kerajaan yang digeruni oleh wilayah-wilayah lain. Antara kerajaan Hindu-Buddha ialah Funan (220-280 masihi), Kedah Tua, Chih Tu, Tan Tan, Langkasuka, Srivijaya dan Majapahit. Namun begitu, kebanyakan kerajaan-kerajaan yang mahsyur pada ketika itu mula tenggelam apabila kerajaan-kerajaan Islam mula berkembang di Alam Melayu. Dengan itu maka terkuburlah kerajaan-kerajaan Hindu-Buddha secara perlahan-lahan.

Agama islam mula menapak di Alam Melayu apabila pedagang-pedagang Arab menjalankan hubungan dagangan dengan Alam Melayu. Menurut sejarah, pedagang-pedagang arab telah pun lama menjalankan hubungan ini sejak zaman Arab Jahiliyah lagi khususnya pedagang-pedagang Arab dari Yaman. Kedudukan Yaman yang terletak di laluan laut antarabangsa iaitu hujung semenanjung Tanah Arab membuktikan hubungan perdagangan antara Arab dan Alam Melayu boleh berlaku sebelum kedatangan islam lagi iaitu sekitar awal abad ke-2 Masihi. Malah pada abad ke-5 Masihi pula, Kepulauan Alam Melayu telah menjadi pusat persinggahan pedagang-pedagang dari selatan Tanah Arab. Tambahan lagi, pada abad ke-3 masihi, ada juga pedagang-pedagang Arab yang memiliki penempatan dan rumah penginapan di pelabuhan Canton di China. Oleh itu, sudah pasti mereka yang ingin ke China akan melalui dan singgah di pelabuhan-pelabuhan Alam Melayu sebelum berlepas semula ke Canton.

Apabila Islam mula muncul di Tanah Arab, Nabi Muhammad telah menjalankan dakwah islamiah sehingga ia tersebar ke seluruh Tanah Arab termasuk di Yaman. Antara para sahabat yang diutuskan oleh baginda untuk menjalankan dakwah sehingga ke Yaman ialah Sayyidina Ali, Muza bin Jabal dan Abu Musa al-Asy'ari. Oleh kerana dakwah inilah, ramai penduduk di Yaman telah memeluk islam. Selepas itu, orang-orang Yaman yang beragama islam inilah yang telah pergi berdagang ke serata tempat termasuk Alam Melayu dan mereka jugalah yang menyebarkan dakwah kepada penduduk tempatan disana. Malah terdapat juga catatan sejarah bahawa wujudnya penempatan pedagang-pedagang Islam dari Arab di Sumatera Utara pada tahun 650 Masihi bersamaan tahun 30 Hijrah. Penempatan tersebut terkenal dengan gelaran "Ta-Shih".

Selain itu, terdapat juga beberapa fakta lain yang boleh membuktikan kehadiran Islam ke Alam Melayu antaranya ialah daripada al-Allamah Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, mufti Negeri Johor. Beliau menyatakan bahawa kedatangan islam ke Alam Melayu telah berlaku sejak zaman Amirul Mukminin Khalifah Sayyidina Uthman bin Affan lagi iaitu pada tahun ke-30 Hijrah bersamaan 650 masihi. Malah menurut J.C Van Leur juga menyatakan bahawa sejak tahun 54 Hijrah atau 674 Masihi lagi, Penempatan Arab telah wujud di bahagian barat Sumatera iaitu di Barus. Bukti seterusnya ialah daripada sekumpulan sarjana dalam sebuah seminar di Medan Indonesia bertarikh 17 hingga 20 Mac 1963, Mereka menyatakan bahawa Islam sudar tersebar ke Alam Melayu sejak abad ke-7 Masihi atau abad pertama Hijrah. Malah, mereka juga bersependapat

bahawa cara islam disebarkan ke Alam Melayu ialah melalui Pedagang-pedagang Arab. Selain bukti-bukti dari ahli-ahli sarjana dan sebagainya, Ada juga bukti arkeologi yang dapat memperkukuhkan lagi kenyataan tentang kehadiran islam di Alam Melayu, Antaranya ialah perjumpaan artifak yang berasaskan kaca dan juga tembikar. Barangan kaca tersebut telah dikenalpasti sebagai lampu pelita, bekas minyak wangi dan juga manik polikrom. Manaka tembikar pula boleh dikategorikan sebagai tembikar Timur Tengah bersepuh hijau gelap dan biru gelap dan Tembikar timur tengah berlakar kilat. Oleh hal yang demikian, maka terbutiklah bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu telah berlaku sejak zaman Amirul Mukminin lagi dan cara ia tersebar ialah melalui orang-orang Arab yang melakukan aktiviti perdagangan di sekitar Alam Melayu. Kedatangan mereka adalah untuk menyebarkan dakwah islam dan menjadikan aktiviti perniagaan sebagai platform untuk menjalinkan hubungan dengan masyarakat di Alam Melayu.

Kehadiran pedagang-pedagang Arab ini bukan sahaja disenangi oleh golongan Masyarakat, Malah turut menarik perhatian golongan Istana. Golongan Istana yang menduduki hieraki tertinggi masyarakat zaman dulu inilah yang telah menyebabkan Agama islam di Alam melayu semakin cepat tersebar. Bagi orang-orang istana, masyarakat Arab yang hadir ke tanah air mereka bukan sahaja kaya-raya, malah mereka juga sangat berakhlak mulia. Maka tidak hairanlah mereka mampu membina penempatan dan membuat pentadbiran mereka sendiri di Alam Melayu seperti di pantai barat Sumatera. Oleh hal yang demikian, maka bermulalah zaman kerajaan-kerajaan Islam yang mahsyur sehingga menjadi sejarah ulung buat penganut Agama Islam pada Hari ini.

Melaka merupakan sebuah wilayah yang menjadi punca penyebaran Islam sehingga islam Berjaya tersebar hingga ke seluruh pelusuk Tanah Melayu. Parameswara merupakan individu yang bertanggungjawab dalam mengasaskan kerajaan Melaka. Pada awalnya, semasa kedatangan beliau ke Melaka, ia hanyalah sebuah penempatan yang kecil . Namun berkat kebijaksanaan dan kecekapan Parameswara, Melaka Berjaya muncul sebagai pusat perdagangan dunia yang menarik perhatian pedangang-pedagang dari seluruh dunia termasuk Tanah Arab. Parameswara pada asalnya merupakan penganut agama hindu. Namun pada sekitar abad ke-15 beliau telah Berjaya diislamkan oleh sebuah rombongan dari Jeddah yang diketuai oleh ulama sufi bernama Maulana Sayyid Abdul Aziz. Oleh itu Parameswara telah menukar

Namanya dari Parameswara kepada Sultan Iskandar Syah. Semasa pemerintahan bagindalah, Melaka menjadi pusat perdagangan dan pengembangan agama Islam di rantau ini. Cara Islam dikembangkan adalah melalui perdagangan dan perkahwinan.

Melaka yang muncul sebagai pusat perdagangan yang mahsyur pada ketika itu telah menarik lebih ramai pedagang-pedagang dari seluruh dunia. Ini adalah hasil daripada pemerintahan yang kemas oleh Sultan Melaka. Malah dikatakan juga pelabuhan Melaka sangat maju sehingga mampu menampung dua ribu kapal berbagai saiz untuk satu-satu masa. Akibat daripada kepesatan inilah pelabuhan Melaka telah dibanjiri dengan pedagang-pedagang dari Arab yang memang terkenal sebagai pedagang yang Berjaya pada ketika itu. Dalam pada itu, ketika Sultan Megat Iskandar Shah memerintah Melaka, Baginda telah memberi penghormatan kepada pedagang-pedagang Arab sehingga menyediakan Kawasan penempatan kepada mereka. Maka mereka pun mula membina Masjid dan rumah-rumah mereka dengan bentuk dan gaya senibina tempatan. Kesannya, mereka telah mengajar Agama Islam di surau dan masjid. Malah Melaka telah menjadi pusat pengajian dan penyebaran dakwah Islam. Sebagai Contoh, Pulau Besar dan Upeh (Tengkera) telah menjadi pusat pengajian Islam yang terkenal di zaman Kesultanan Melaka.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan disini bahawa Tanah Melayu bukanlah sejak dahulu lagi merupakan sebuah tanah yang masyarakatnya beragama Islam tetapi bermula dengan penyembahan terhadap alam dan kemudian menjadi penganut agama Hindu Buddha. Islam tersebar adalah dengan dengan dakwah islam yang telah dilakukan oleh orang-orang Arab ketika berdagang. Dengan kepimpinan yang mantap oleh pemerintah pada ketika itu, Islam terus berkembang dengan pesat dan kekal di Tanah Melayu sehingga ke hari ini. Islam yang hadir ke negara Malaysia bukan sahaja mempengaruhi kehidupan dan cara hidup disini, Namun la juga telah mempengaruhi sesebuah parti politik dalam usaha untuk mentadir sebuah negara. Maka lahirlah parti-parti Politik yang menggunakan Islam sebagai batu loncatan untuk meraih undi dalam Pilihan Raya yang merupakan sebuah platform untuk rakyat mengundi pemerintah.

RUJUKAN

A. Samad Ahmad . 2013. Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu . Halaman 73

Ahmad Jelani Halimi. 2008 . Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu.

Halaman 62

Ahmad Jelani Halimi. 2008. Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu .

Halaman 161

Ahmad Jelani Halimi. 2008. Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu.

Halaman 51

Elly Roza. 2016. Sejarah Tamadun Melayu. Halaman 91

Hasanuddin Yusof, Tun Suzana Tun Othman. Miftahul Malayu.2019.

Penerbit Alami Sdn Bhd. No.2301, Tingkat Atas, Jalan SJ 10/1,

Taman Seremban Jaya, 70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul

Khusus.

Mohd Jamil Mukmin. 2004. Melaka Pusat Penyebaran Islam Di

Nusantara. Halaman 44-46

Prof. Dr. Musyrifah Sunanto. 2005. Sejarah Peradaban Indonesia

Halaman 21

Syed Muhammad Naquib Al Attas. 1999. Islam Dalam Sejarah Dan

Kebudayaan Melayu. Halaman 15

Syed Muhammad Naquib Al-Attas . 2011. Historical Fact and Fiction.

Halaman 3

